

Dadah: Pembantu kedai dijel 8 tahun, kena 10 sebatan

Oleh NOR AFIQAH MAT NOR

KOTA BHARU - Perbuatan seorang pembantu kedai memiliki dadah jenis methamphetamine seberat 43.31 gram dua tahun lalu mengundang padah apabila dijatuhi hukuman penjara selama lapan tahun dan 10 sebatan di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Mohd. Yusoff Yunus menjatuhkan hukuman itu ter-

hadap Zulkifli Salleh, 40, selepas tertuduh didapati bersalah setelah pertuduhan ke atasnya dibacakan.

"Setelah meneliti keterangan, mahkamah mendapati, pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes tanpa keraguan munasabah sementara pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan muna-



sabah. Oleh sebab itu, tertuduh disabitkan dengan kesalahan," kata Mohd. Yusoff dalam penghakimannya sebelum menjatuhkan hukuman berkenaan.

Mengikut pertuduhan, Zulkifli (**gambar**) didakwa memiliki 10 paket plastik kecil lutsinar dan satu paket besar lutsinar yang mengandungi serbuk kristal da-

dah seberat 43.31 gram methamphetamine di Balai Polis Laloh, Kuala Krai pada pukul 10 malam, 7 Ogos 2013.

Tertuduh sebelum ini didakwa mengikut Seksyen 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan sebelum dipinda kepada 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman penjara seumur hidup atau

maksimum lima tahun, dan sebatan tidak kurang daripada 10 sebatan.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nor Dalina Ali manakala tertuduh diwakili peguam bela, Datuk Shukri Muhamad.

Hakim Mohd. Yusoff kemudian memerintahkan hukuman penjara tertuduh berkuat kuasa dari tarikh tertuduh ditangkap iaitu 7 Ogos 2013.

KoSMO
17/11/2013
mls 13